

20 MAY 1999

Pandikar-Pelantikan

PANDIKAR DAN SHAFIE UCAP TERIMA KASIH KEPADA PM

KOTA KINABALU, 20 Mei (Bernama) -- Presiden Angkatan Keadilan Rakyat Datuk Pandikar Amin Haji Mulia yang dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam rombakan kecil kabinet yang diumumkan hari ini, berjanji akan memberikan perkhidmatan sebaik mungkin.

Katanya, beliau juga terhutang budi kepada Perdana Menteri kerana menaruh keyakinan kepada beliau sebagai presiden kepada sebuah parti komponen yang "kecil" untuk memegang jawatan penting dalam Kabinet Persekutuan.

"Saya akan berusaha untuk melaksanakan tugas yang diberikan dengan sebaik mungkin," katanya ketika dihubungi.

Pandikar, yang akan mengangkat sumpah sebagai senator Isnin ini bagi membolehkan beliau dilantik ke jawatan itu, menggantikan Datuk Chong Kah Kiat yang telah meletakkan jawatannya untuk bertanding pada pilihan raya negeri, Mac lepas.

Pandikar yang tidak bertanding pada pilihan raya itu berkata, pelantikannya itu juga menunjukkan Dr Mahathir Mohamad menghargai sumbangan parti-parti komponen Barisan Nasional tanpa mengira ia parti kecil atau besar.

Sementara itu, anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno Datuk Shafie Apdal yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas pelantikannya.

Katanya, beliau juga akan berusaha menunaikan tugas yang baru diberikan itu dengan sebaik-baiknya.

Shafie, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, akan mengambil alih jawatan Datuk Azmi Khalid yang ditukar ke Kementerian Dalam Negeri.

-- BERNAMA

HAK NMO